



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PEMETERAIAN DUA MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DI BAWAH ASEAN BAGI MEMPERKUKUH PERDAGANGAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN SERANTAU

PUTRAJAYA, 27 OGOS 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) selaku wakil Kerajaan Malaysia di dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (*ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry – AMAF*) pada 26 Ogos 2026 yang melibatkan kerjasama dengan Negara-Negara Anggota ASEAN (*ASEAN Member States - AMS*) serta kerjasama strategik antara ASEAN dan Kerajaan Republik Rakyat China (China) dalam bidang makanan, pertanian dan perhutanan.

MoU ASEAN Cooperation in Agriculture and Forest Products Scheme yang dimeterai bersama negara-negara anggota ASEAN merangkumi lima fokus utama iaitu memperkukuh keselamatan makanan serantau, memudah cara dan mempromosi perdagangan produk pertanian dan perhutanan, menggalakkan pelaburan sektor swasta, memberi penekanan kepada pemuliharaan sumber asli secara mampan, serta memantapkan pendekatan bersama AMS dalam menangani isu-isu antarabangsa. Bagi MoU ini, Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) akan bertindak selaku *Lead Country* bagi komoditi sawit dan koko, manakala Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) selaku peneraju produk agromakanan negara.

Sementara itu, MoU antara ASEAN dan China bertujuan untuk memperkukuh kerjasama strategik bagi mempromosi pembangunan pertanian mampan, meningkatkan daya saing produk pertanian, serta memastikan keterjaminan makanan di rantau ASEAN untuk tempoh lima tahun. MoU ini menggariskan 18 bidang kerjasama utama, antaranya pembangunan hijau menerusi pertanian pintar iklim berasaskan pelepasan karbon rendah, pengurusan hutan secara lestari, pengukuhan ketahanan rantai bekalan melalui pengurusan risiko bencana (banjir dan kemarau) serta insurans pertanian, kawalan perosak dan penyakit merentasi sempadan, di samping kerjasama penyelidikan dan perkongsian maklumat perdagangan.

Pemeteraian kedua-dua MoU ini memberikan pelbagai manfaat strategik dan impak positif kepada Malaysia. Menerusi ASEAN, Malaysia bersama negara anggota dapat melaksanakan kempen strategik untuk mempertahankan pasaran minyak sawit dan produk agromakanan tempatan di peringkat global, meluaskan akses pasaran bagi produk agrikomoditi, agromakanan dan perhutanan negara. Antara contoh produk ialah sumber bahan makanan utama, tanaman komersial industri, komoditi ternakan, herba dan ubat-ubatan, produk hasil hutan termasuk makanan yang diperolehi daripada alam semula jadi seperti cendawan, buah beri, kekacang yang boleh dimakan dan madu hutan. MoU ini juga membolehkan penyelarasan piawaian kualiti melalui pensijilan pertanian, serta memantapkan daya saing pekebun kecil dan PKS. Kerjasama ASEAN-China pula membuka ruang untuk pemindahan teknologi pintar iklim, penyelarasan dasar dan kepakaran penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan China serta memacu transformasi sektor agromakanan tempatan ke arah amalan berkarbon rendah dan pengurusan sumber yang lestari demi kelangsungan jangka panjang.

Malaysia sentiasa komited untuk bekerjasama rapat dengan rakan strategik ASEAN, serta rakan dialog antarabangsa demi memastikan sektor agromakanan negara kekal berdaya saing, mampan dan berupaya mendepani cabaran keterjaminan makanan global.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

